



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 5 (42)

Tarikh: 16 Julai 2018

Semua Ketua Bahagian

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 7 TAHUN 2018***

**PELANTIKAN GURU DATA DI SEKOLAH KERAJAAN DAN BANTUAN
KERAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan pelantikan guru data di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. Pelantikan guru data di sekolah telah mendapat kelulusan berdasarkan Bekalan B63 (B41/2008) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KPM.

3. Matlamat pelantikan guru data adalah bagi melicinkan perancangan dan pengurusan data di peringkat sekolah, pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN). Jawatan seorang guru data diperuntukkan di semua sekolah rendah dan menengah seperti yang tercatat dalam Kelulusan Penyata Perjawatan Sekolah.

4. Pelantikan guru data meliputi semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pelantikan ini adalah secara hakiki dan dalam norma perjawatan, merujuk kepada surat Permohonan Guru Data dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2008, No. Ruj. KP(PP)0050 Jld.55/(19) oleh BPSM.

PELAKSANAAN

Senarai Tugas

5. Jawatan guru data di sekolah rendah dan menengah diperuntukkan tujuh jam seminggu untuk pengurusan data sekolah berdasarkan fungsi dan tugas seperti yang berikut:

- 5.1 menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa Pengurusan Maklumat Sekolah (JPMS);
- 5.2 merancang pengurusan data dan maklumat pendidikan peringkat sekolah yang diarahkan oleh bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah selaras dengan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard Sistem Pengurusan Sekolah (SPS);
- 5.3 melaksanakan pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan, pengeluaran, pelaporan, pembekalan dan penyebaran data dan maklumat Modul Pengurusan Sekolah (MPS), mengikut kaedah dan jadual yang ditetapkan yang berkaitan dengan profil sekolah termasuk fizikal dan maklumat am sekolah;
- 5.4 membantu pengurusan data aplikasi SKPMg2 *Online*;
- 5.5 membantu pihak pengurusan sekolah menganalisis data dan maklumat peringkat sekolah bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025;
- 5.6 memberi khidmat nasihat kepada guru berkenaan pengurusan data dan maklumat peringkat sekolah; dan
- 5.7 melaksanakan tugas-tugas yang diperuntukkan dalam Fail Meja Guru Data.

Kriteria Pelantikan Guru Data

6. Kriteria pelantikan guru data adalah seperti yang berikut:
- 6.1 keutamaan pemilihan kriteria guru data hendaklah diberi kepada guru data sedia ada di sekolah yang mempunyai kemahiran dan komited terhadap pengurusan data;
 - 6.2 guru ini hendaklah telah dilantik dalam perkhidmatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Walau bagaimanapun sekiranya sekolah tidak mempunyai guru data atau guru data yang sedia ada tidak mampu menjalankan tugas dengan berkesan, guru tersebut boleh diganti mengikut syarat Pemilihan Guru Data seperti di para 7;
 - 6.3 jawatan guru data yang disandang akan gugur jika guru data berpindah ke sekolah yang telah sedia ada guru data; dan
 - 6.4 sekiranya berlaku kekosongan jawatan guru data sekolah, pengisian jawatan tersebut hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 21 hari. Pihak sekolah hendaklah mencalonkan guru data baharu dengan segera kepada JPN/PPD (borang Pencalonan Guru Data - Lampiran).

Syarat Pemilihan Guru Data

7. Pemilihan guru data hendaklah berdasarkan syarat yang berikut:
- 7.1 Kelayakan
 - 7.1.1 mempunyai kelayakan akademik dalam IT/komputer/berkaitan ICT pada peringkat sijil/diploma/ijazah; atau
 - 7.1.2 mempunyai sijil berkaitan IT/komputer/ICT; atau
 - 7.1.3 mempunyai sijil kursus berkaitan pengurusan data dan maklumat yang dilaksanakan oleh KPM dan/atau agensi Kerajaan yang lain.
 - 7.2 Kreativiti
 - 7.2.1 berpengetahuan tentang penjanaan data mentah yang ada dan mampu menghasilkan maklumat mengikut keperluan pengguna; dan

7.2.2 mempunyai kebolehan minimum menghasilkan analisis data daripada pelbagai sistem aplikasi berkomputer di sekolah.

7.3 Sahsiah/Disiplin/Sikap

- 7.3.1 mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan baik;
- 7.3.2 bertanggungjawab, dedikasi, akauntabiliti dan boleh dipercayai;
- 7.3.3 mempunyai ketahanan emosi dan mental yang tinggi;
- 7.3.4 berpengetahuan dan peka terhadap tahap kerahsiaan data mengikut kedudukan pengguna;
- 7.3.5 telah mengisi dan menandatangani Akta Rahsia Rasmi 1972; dan
- 7.3.6 tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib.

Prosedur Pelantikan Guru Data

- 8. Prosedur pelantikan guru data adalah terpakai kepada lantikan guru data baharu sahaja dan guru data sedia ada tidak perlu dilantik semula.
- 9. Pelantikan guru data baharu hendaklah berdasarkan prosedur seperti yang berikut:
 - 9.1 sekolah mencalonkan nama guru yang layak kepada JPN. Pelantikan guru data dibuat oleh JPN dan memaklumkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) KPM tentang pelantikan ini (Borang Pencalonan Guru Data - Lampiran);
 - 9.2 guru yang telah dilantik akan menjalani Kursus Pengurusan Data Sekolah anjuran KPM atau JPN;
 - 9.3 Sektor Pengurusan Maklumat dan ICT (SPMICT) JPN dan pegawai pendidikan daerah memantau prestasi guru data yang dilantik berdasarkan kualiti kutipan data pada peringkat sekolah dan memaklumkan kepada pihak pengurusan sekolah; dan
 - 9.4 SPMICT JPN dan pegawai pendidikan daerah boleh mencadangkan pertukaran guru data sekiranya guru data sedia ada tidak mencapai tahap prestasi yang dikehendaki.

Penyelarasan Waktu Mengajar dan Pengurusan Data Sekolah

10. Pihak sekolah hendaklah memastikan:

- 10.1 waktu mengajar guru data hendaklah tidak melebihi lapan jam seminggu bagi sekolah rendah dan sekolah menengah; dan
- 10.2 guru data bertanggungjawab membantu pihak pengurusan sekolah dalam aspek pengurusan data pada peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM. Oleh itu, guru data dikehendaki memperuntukkan tujuh jam seminggu untuk tugas pengurusan data sekolah.

TARIKH KUAT KUASA

11. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ikhtisas ini, maka Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 14/2007; Pelantikan Guru Data di Sekolah Menengah dan Rendah bertarikh 19 Disember 2007 adalah **dibatalkan**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

13. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. AMIN BIN SENIN)

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k. 1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Pengarah
Sektor Pengajian Tinggi
4. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
-
5. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
7. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
8. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

BORANG PENCALONAN GURU DATA

Pengetua / Guru Besar

.....
.....
.....

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri

(u.p: Ketua Sektor Pengurusan Maklumat dan ICT)

Tuan,

Pencalonan Guru Data

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah telah mencalonkan
Encik/Cik/Puan..... Pegawai Perkhidmatan Pendidikan gred
..... sebagai guru data sekolah.

2. Untuk makluman pihak tuan pegawai tersebut merupakan guru data
* pencalonan baharu / pertukaran guru data.

3. Kerjasama daripada pihaktuan untuk melantik dan memberi latihan kepada
guru data sekolah kami, amat kami alu-alukan.

Sekian. Terimakasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

()

Pengetua/Guru Besar

*Potong yang tidak berkenaan